

# APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 14/2024

## EDITORIAL BOARD

### PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

### COORDINATOR

Prof. Madya Dr Norwati Hj Roslim

### CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

### EDITORIAL COMMITTEE

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin

Nadiah Yahyauddin

### IN THIS ISSUE:

- \* Fun With Language
- \* Written Articles
- \* APB Rembau Activities  
(March to October 2024)

## PERUBAHAN MAKSUD KOSA KATA BERDASARKAN KONTEKS AYAT (SIRI 1)

Ditulis oleh Dr. Siang Lay Choo

Dalam artikel ini, mari kita belajar 3 kosa kata yang boleh membawa maksud yang berbeza jika kosa-kata tersebut digunakan dalam konteks ayat yang berlainan iaitu 会 (hui), 在(zài) dan 做(zuò).

A) Kosa kata 会(hui). Kosa kata ini mempunyai 3 maksud yang berbeza seperti ditunjukkan dalam ayat-ayat di bawah:-

i) 我的妹妹会画画.

(Wǒ de mèimei huì huàhuà.)

Kosa kata ‘会’ di sini bermaksud ‘tahu atau boleh’.

ii) 我明天会去大学见林老师.

(Wǒ míngtiān huì qù dàxué jiàn lín lǎoshī.)

Kosa kata ‘会’ di sini bermaksud ‘akan’.

iii) Zulaikha的生日会很热闹.

(Zulaikha de shēngrì huì hěn rènnào.)

Kosa kata ‘会’ di sini bermaksud ‘majlis’.

B) Kosa-kata 在(zài). Maksud kosa-kata ‘在’ akan berubah jika ianya digunakan dalam konteks ayat yang berbeza seperti di bawah:-

i) 哥哥在听歌.

(Gēge zài tīng gē.)

Kosa kata ‘在’ di sini bermaksud ‘sedang’.

ii) 美玲住在吉隆坡.)

(Měilíng zhù zài Jílóngpō.)

Kosa kata ‘在’ di sini bermaksud ‘di’.

iii) 请问Latifah在吗?

(Qǐngwèn Latifah zài ma?)

Kosa kata ‘在’ di sini bermaksud ‘berada di sesuatu tempat’.

C) Kosa-kata 做(zuò). Kosa-kata ini mempunyai 3 maksud yang berbeza jika ianya digunakan dalam konteks ayat yang berlainan seperti ditunjukkan dalam ayat-ayat berikut:-

i) 妈妈在厨房做饭.

(Māma zài chúfáng zuòfàn.)

Kosa kata ‘做’ di sini bermaksud ‘memasak’.

ii) 她在图书馆做功课.

(Tā zài túshūguǎn zuò gōngkè.)

Kosa kata ‘做’ di sini bermaksud ‘membuat’.

iii) 学生在实验室做实验.

(Xuésheng zài shíyànshì zuò shíyàn.)

Kosa kata ‘做’ di sini bermaksud ‘melakukan atau menjalankan’.

Daripada contoh-contoh ayat di atas, jelas dilihat bahawa kosa-kata yang sama boleh menghasilkan maksud yang berbeza jika ianya digunakan dalam konteks ayat yang berlainan. Justeru itu, kita perlu berhati-hati

apabila menggunakan kosa-kata 会(huì), 在(zài) dan 做(zuò) agar tidak menimbulkan masalah dalam komunikasi harian.

#### Rujukan

1. Lu Shuxiang, Lirong, Xu Jialu (2004). Xiandai Hanyu Guifan Cidian现代汉语规范词典. Beijing: Waiyu Jiaoxue yu Yanjiu Chubanshe.